



Sambutan bulan kemerdekaan pada tahun 1957.



Sambutan bulan kemerdekaan pada tahun 1958.

DIAN KECHIL BERJASA JUGA, MENJADI SULOH DUNIA PANCHAROBA.

(Persekutuan Tanah Melayu) Tama kemerdekaan

# ULANG TAHUN KEBANGSAAN

Oleh Nurzuliana Kamaruzaman

Tanggal 31 Ogos pada setiap tahun merupakan tarikh keramat yang menjadi sambutan bagi seluruh rakyat Malaysia. Lazimnya sambutan hari kemerdekaan akan dipenuhi dengan pengisian program yang bersifat patriotik dan kenegaraan. Berikutan hal itu, pada keluaran kali ini, kita akan mengimbas kembali tradisi sambutan hari kemerdekaan pada tahun-tahun yang lalu.

Tanggal 31 Ogos 1958, merupakan sambutan ulang tahun pertama kemerdekaan negara. Lebih 35 000 orang termasuklah tetamu kehormat dari dalam dan luar negara telah hadir untuk menyambut hari kemerdekaan ini. Acara yang berlangsung di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, dimulai dengan aktiviti senaman padang dan tarian oleh kanak-kanak sekolah.

Pada sebelah paginya disusuli dengan perbarisan tentera dan pasukan keselamatan. Pada sebelah malamnya pula diadakan perarakan 56 buah kereta berhias yang melalui jalan utama di Batu Road (Jalan Tunku Abdul Rahman), Jalan Raja, Victory Avenue (Jalan Sultan Hishamuddin), Jambatan Sulaiman hingga ke Pejabat Perbandaran Kuala Lumpur.

Menjelang sambutan ulang tahun ketiga kemerdekaan negara pada tahun 1960, hari bersejarah ini disambut dalam suasana muram dan berdukacita.


Hal ini disebabkan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Hisamuddin Alam Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah, berada dalam keadaan gering. Pelbagai acara sambutan seperti majlis penganugerahan bintang kebesaran, majlis keramaian dan pertunjukan kebudayaan dibatalkan.

Sambutan hari kemerdekaan pula diadakan dengan satu rapat umum kanak-kanak di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1960. Titah ucapan kemerdekaan disampaikan oleh DYMM Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail. Dua hari selepas sambutan ulang tahun kemerdekaan, Baginda Yang di-Pertuan Agong mangkat di Istana Negara dan kesemua hiasan sambutan kemerdekaan digantikan dengan kibaran bendera separuh tiang sebagai tanda negara berkabung.

Tahun 1967 merupakan sambutan ulang tahun ke-10 kemerdekaan negara. Acara sambutan pada tahun tersebut lebih meriah daripada tahun sebelumnya. Antara acara yang diadakan termasuklah perbarisan raksasa, rapat umum dan perhimpunan kanak-kanak dan belia. Sempena ulang tahun ini, Panggung Anniversary, iaitu sebuah pentas terbuka siap dibina di Taman Bunga, Kuala Lumpur pada 25 Ogos 1967.



Sambutan bulan kemerdekaan pada tahun 1967.



Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970.



Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia pada tahun 1978.



Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia pada tahun 1987.

Acara yang paling menarik ialah YAB Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia, telah menaiki gajah sambil diiringi ke pentas di Taman Bunga untuk menyampaikan surat pengisytiharan pembukaan Pesta Sepuluh Tahun Merdeka kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Zainal Abidin.

Mulai tahun 1970, Hari Merdeka dinamakan sebagai Hari Kebangsaan Malaysia. Pada tahun tersebut, sambutan hari kebangsaan buat pertama kalinya diteraskan kepada tema. Bagi menstabilkan dan memulihkan keadaan negara, tema "Muhibbah dan Perpaduan" dipilih. Hari Kebangsaan pada tahun 1970 tetap disambut secara besar-besaran di seluruh negara selama lima hari bermula pada 29 Ogos 1970, walaupun pada saat rakyat diselubungi dengan kejutan pengumuman persaraan YAB Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Pada pagi 31 Ogos, satu rapat umum dan perbarisan telah diadakan di Stadium Merdeka dengan dihadiri oleh hampir 30 000 orang. Selaras dengan tema perayaan, satu ikrar khas perpaduan telah dilafazkan secara beramai-ramai di hadapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia sebagai janji rakyat untuk bersama-sama membina perpaduan.

Tahun 1977 merupakan sambutan Hari Kebangsaan kali ke-20, yang disambut dalam suasana umat Islam sedang berpuasa. Walaupun begitu, sambutannya tetap meriah. Bacaan ikrar Rukun Negara dan teriakan bersemangat "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali dilakukan oleh anak-anak merdeka yang diketuai oleh Kamariah binti Bakar, bersama-sama tiga orang rakan yang lahir pada 31 Ogos 1957.

Sebanyak 15 000 orang peserta mengambil bahagian dalam pelbagai acara bersempena dengan sambutan tersebut. Antara acara yang diadakan ialah perarakan 21 buah kereta berhias dengan 20 daripadanya membawa gambaran 20 peristiwa penting yang pernah dilalui oleh negara, manakala sebuah lagi kereta berhias membawa tema Hari Kebangsaan, iaitu "Bersatu Maju".

Pada tahun 1985, bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-28, buat pertama kalinya sambutan diadakan di luar ibu negara, Kuala Lumpur. Pekikan "Merdeka" bergema semula di Padang Pahlawan, Melaka, dengan penuh semangat yang membawa jutaan rakyat Malaysia menyingkap kembali peristiwa bersejarah pengisytiharan kemerdekaan negara.

Lebih 50 000 orang rakyat jelata yang datang dari seluruh pelosok tanah air membanjiri Padang Pahlawan. Perbarisan penuh berwarna-warni ini disertai oleh



Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia pada tahun 1987.



kira-kira 15 000 orang ini melambangkan semaraknya semangat perjuangan nasionalisme, anak bangsa sejajar dengan tema “Nasionalisme Teras Perpaduan”.

Yang menariknya dalam perarakan sambutan tersebut, sebanyak 110 orang pejuang anti Malayan-Union yang merupakan golongan paling tua dalam perarakan ini berarak gagah dengan seribu kenangan menuntut kemerdekaan, seterusnya menghidupkan suasana kenangan menuntut kemerdekaan.

Bermula pada tahun 2000, istilah sambutan Hari Kebangsaan telah digantikan dengan nama “Perayaan Bulan Kemerdekaan”. Perayaan ini berlangsung selama sebulan yang bermula dari 17 Ogos sehingga 16 September. Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan telah diadakan di Dataran Merdeka pada 17 Ogos. Acara kemuncak ialah Perayaan Ambang Merdeka peringkat nasional yang diadakan pada malam 30 Ogos, yang bertempat di Dataran Shah Alam. Acara perbarisan, serta perarakan Hari Kemerdekaan pula diadakan pada pagi 31 Ogos di Jalan Persiaran Perdagangan, Shah Alam.

Perayaan ini berakhir dengan Majlis Penutupan Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan pada hari yang sama diadakan di Teluk Likas, Kota Kinabalu, Sabah. “Keranamu Malaysia” dipilih sebagai tema Hari Kebangsaan dan tema ini berterusan digunakan hingga tahun 2005. Tema ini mencerminkan perasaan syukur seluruh rakyat Malaysia atas segala kemajuan yang dicapai oleh negara dalam pelbagai bidang.

Pada tahun 2007, negara merayakan sambutan jubli emas kemerdekaan negara. Acara perarakan dan perbarisan Hari Kebangsaan 2007 diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Sambutan Hari Kemerdekaan ke-50 melambangkan wajah sebenar Malaysia dengan rakyat berbilang kaum tampil berwarna-warni, bersemangat muhibah yang bersesuaian dengan tema “Malaysiaku Gemilang”.

Bacaan ikrar pada tahun tersebut disempurnakan oleh 50 orang pelajar sekolah, termasuklah pelajar sekolah pendidikan khas dengan diketuai oleh Syed Nur Khairin Al-Safi. Sebanyak 10 000 peserta terlibat dalam

## PERISTIWA BERSEJARAH BULAN OGOS



### 15 Ogos

Portugis menyerang Johor Lama dan Kota Batu di negeri Johor. Serangan ini merupakan serangan balas Portugis terhadap Sultan Johor, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil yang telah menyerang Melaka pada awal tahun 1586.



### 10 Ogos

Kota A Famosa yang terletak di Bandar Hilir, Melaka, telah mula dihancurkan atas arahan kerajaan Inggeris sebagai langkah pertama Inggeris melemahkan pertahanan Melaka.



### 15 Ogos

Konvensyen Pelajar-pelajar Melayu dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu membuat ketetapan bersetuju menubuhkan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).



### 1 Ogos

YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Parti Perikatan telah membentuk Kabinet Pertama berikutan kemenangan besar Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu pada 27 Julai 1955.



### 4 Ogos

Persidangan yang julung-julung kali diadakan mengenai bahan pandang dengar sebagai alat pendidikan telah diadakan di Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh wakil dari 15 buah negara.

1587

1807

1948

1955

1961



Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun 2000.

Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun 2003.

Sambutan Hari Kemerdekaan ke-50 pada tahun 2007.

persembahan padang yang memaparkan lima era yang dilalui oleh negara menerusi paparan perkataan. Acara kemuncak persembahan Perayaan Raksasa Merdeka pada malam tersebut telah menyingkap kembali detik bersejarah perisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka. Sejarah 50 tahun yang lalu dihidupkan kembali pada malam itu dengan menyaksikan kembali YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membaca perisytiharan kemerdekaan melalui teknik penjelmaan imej.

Tahun 2019 memperlihatkan perubahan besar kepada tampuk kepimpinan negara. Sambutan Hari Kebangsaan 2019 bertemakan "Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih". Sambutan tersebut diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya dengan lebih 300 000 orang membanjiri Dataran Putrajaya.

Yang menariknya, pada sambutan tersebut ialah YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, memandu sendiri sebuah Proton Saga berwarna

merah hati ke Dataran Putrajaya. Acara berlangsung dengan keberangkatan DYMM Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, memeriksa Kawalan Kehormatan Utama yang dibarisi oleh 107 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja. Acara dimeriahkan lagi dengan persembahan khas, "Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih" oleh 1627 orang peserta daripada kumpulan kesenian pelbagai agensi dan persatuan.

Bagaimanakah pula dengan sambutan Hari Kebangsaan 2020? Pasti lebih berbeza dari tahun sebelumnya. Senario sambutan hari kebangsaan yang kebiasaannya melibatkan perkumpulan dan perarakan mungkin tidak lagi dapat diacarakan seperti biasa berikutan fenomena baharu dunia yang dikejutkan dengan kemunculan wabak COVID-19 yang sangat memberikan kesan kepada aktiviti sosial negara. Namun begitu, walau apa-apa cara pun kita menyambut hari kebangsaan, jati diri dan semangat patriotik yang cinta akan negara perlu tetap utuh di jiwa rakyat. ds



**2 Ogos**

YAB Tun Abdul Razak Hussein, Pemangku Perdana Menteri, merasmikan pembukaan Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang dibina dengan kos keseluruhan sebanyak \$70 juta.

**28 Ogos**

Kejohanan Badminton Kebangsaan Malaysia Pertama, berlangsung di Stadium Datuk Syed Omar, Alor Setar, Kedah. Kejohanan yang berlangsung selama empat hari ini dirasmikan oleh YTM Tengku Bendahara Kedah, Tengku Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah.

**4 Ogos**

Kembara Merdeka Jalur Gemilang bertemakan "Keranamu Malaysia Gemilang", dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya.

**25 Ogos**

Muzium Kastam Diraja Malaysia, Bandar Hillir, Melaka, telah dirasmikan pembukaannya oleh YBhg. Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka.

**12 Ogos**

Perkhidmatan Kereta Api Elektrik (ETS) milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), memulakan perjalanan sulungnya bagi laluan Ipoh - Kuala Lumpur - Seremban.

**1965**

**1969**

**2003**

**2006**

**2010**